



## SYARAT-SYARAT LESEN MENCUCI KERETA

1. Hanya aktiviti mencuci kereta sahaja yang dibenarkan dijalankan di tempat tersebut.
2. **Air limbahan daripada aktiviti mencuci kereta hendaklah disalurkan ke longkang dan saliran tersebut mestilah mempunyai penapis (filter) untuk menghalang pasir/bendasing memasuki longkang dan tidak dibenarkan mengalir keatas jalan.**
3. Perniagaan yang dijalankan hendaklah tidak menghalang/mengganggu lalulintas.
4. Sebarang pembinaan struktur berbentuk kekal atau sementara hendaklah mendapat kelulusan dari Pihak Majlis
5. **Pengusaha hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekitar.**
6. Dilarang membuat sebarang kerja atau meletakkan barang-barang di atas kawasan awam seperti di kaki lima, tempat letak kereta, lorong, jalan, siarkaki, longkang dan pintu keluar/masuk kecuali dengan kebenaran Majlis.
7. Premis hendaklah mempunyai tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik.

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran  
Majlis Daerah Kuala Langat